

DATE: 24/9/2008

# Jangan jual undi – Tun Mahathir

um-24/9/2008

JITRA 23 Sept. – Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad menasihatkan rakyat supaya tidak 'menjual' undi masing-masing tidak kira sama ada dalam pemilihan parti yang mereka sertai atau pada pilihan raya kecil serta umum.

Beliau yang pernah memimpin negara selama 22 tahun berkata, setiap undi itu tidak ternilai harganya dan hanya pemimpin yang berhak sahaja layak menerimanya.

"Kita harus ingat kalau kita jual undi, percayalah suatu hari nanti orang asing akan menjajah kita semula. Kita akan hilang kuasa untuk memilih kerajaan sendiri.

"Kalau ada sesiapa yang cuba membeli undi kita, ingatlah harga undi itu tidak dapat ditentukan nilainya kerana melalui undi itulah, yang boleh menyelamatkan diri, bangsa dan agama kita," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis penyampaian sumbangan dan berbuka puasa dengan penduduk di Dewan Undangan Negeri Ayer Hitam di Masjid Nurul Ehsan Pida 7, Jerlun di sini petang semalam. Turut hadir ialah Ahli Parlimen Jerlun, Datuk Mukhriz Mahathir.

Dr. Mahathir seterusnya berkata, rakyat sendiri pada akhirnya akan menjadi mangsa jika memberi undi mereka kepada calon yang menggunakan wang bagi meraih kemenangan kerana individu berkenaan bukan daripada kalangan yang boleh dipercayai.

Kata beliau, calon yang bersikap sedemikian tentulah daripada kalangan mereka yang tidak disukai ramai disebabkan malas bekerja atau tidak melayani keperluan rakyat sehingga sanggup menyogok wang bagi membeli undi.

"Orang yang macam ini kalau kita sokong, kitalah yang akan menjadi mangsa kerana mereka ini bukan manusia yang boleh dipercayai.



**MAHATHIR** Mohamad menyampaikan sumbangan kepada kanak-kanak di Dewan Undangan Negeri Ayer Hitam di Masjid Nurul Ehsan Pida 7, Jerlun di Jitra, kelmarin.

"Kalau dia sogok wang kepada kita, mungkin dia juga terima wang daripada orang lain. Oleh itu kita dapati wakil kita tidak bebas, sebaliknya dikuasai oleh orang-orang yang memberi wang kepadanya," ujar beliau.

Dalam pada itu, bekas Perdana Menteri mengingatkan rakyat negara ini agar bersyukur nikmat kedamaian dan keamanan yang dikecapi sejak 50 tahun lalu menerusi

sistem demokrasi yang diamalkan pentadbiran kerajaan.

Katanya, meskipun rakyat hidup dalam suasana berbilang kaum, tiada ketakutan dirasakan kerana mereka mengetahui hidup di dalam sebuah negara yang aman.

Justeru, kata beliau, penduduk harus berusaha mengekalkan keadaan tersebut dengan bersyukur nikmat keamanan yang dikecapi itu.